

13 MAR 2004  
Pilihan raya-Kepala Batas  
PAS "MENGAKU KALAH" DI KEPALA BATAS

KEPALA BATAS, 13 Mac (Bernama) -- Rata-rata berpendapat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam keadaan sangat selesa untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas pada pilihan raya umum 21 Mac ini apabila Pas awal-awal lagi "mengaku kalah" sebelum bertarung.

Perdana Menteri yang mempertahankan kerusi itu buat kali ketujuh sejak pilihan raya 1978, ditentang bagi kali kedua oleh Abdul Khalid Rasid, seorang ahli perniagaan yang juga anggota jawatankuasa PAS Kepala Batas.

Khalid ketika ditanya peluangnya dalam pilihan raya kali ini awal-awal lagi sudah mengaku bahawa beliau tidak yakin dapat mengalahkan Abdullah.

"Saya tahu saya akan kalah tetapi saya tidak akan hilang wang pertaruhan," katanya.

Pas juga dilihat sudah angkat "bendera putih" apabila parti itu gagal meletakkan calon kuat di kerusi Parlimen itu. Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang pernah menyatakan kesediaannya untuk bertanding di situ tetapi ternyata ia sekadar "tembakan peluru kosong".

Pada pilihan raya umum 1999, Abdullah memperolehi 19,985 undi menewaskan Khalid yang hanya mendapat 8,810 undi.

Abdullah menyertai Umno pada 1975, dipilih sebagai calon BN bagi kerusi Parlimen Kepala Batas pada 1978 dan menang dengan majoriti 5,029 undi. Beliau kemudian dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan.

Penganalisis politik, Prof Datuk Dr Syed Arabi Idid berkata Abdullah telah membina imej baik dan kukuh sejak mengambil alih teraju kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad empat bulan lalu.

Katanya, pembangkang menghadapi laluan lebih sukar apabila mereka tidak mempunyai isu besar untuk diketengahkan pada pilihan raya kali ini.

Ketua Puteri Umno Pulau Pinang Azlina Mehtab Mohd Ishaq pula berkata maklumbalas daripada akar umbi terutama di kalangan pengundi berumur 21

hingga 40 tahun menunjukkan mereka mengkagumi peribadi Abdullah dan corak pentadbirannya.

"Dengan peribadi Pak Lah yang tidak boleh dipertikaikan, rekod perkhidmatan cemerlang BN, golongan itu berpendapat kewibawaan Abdullah

tidak dapat ditandingi mana-mana calon Pas sekalipun," katanya.

Pas sengaja meletakkan calonnya semata-mata untuk "mengikat" Perdana

Menteri supaya tidak berpeluang untuk berkempen sepenuhnya di negeri-negeri

lain, katanya.

Kawasan Parlimen itu mempunyai 39,622 pengundi.

-- BERNAMA

MUN NH ZS AM